

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU
TARIKH : 16 Mei 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta **MENTERI KERJA RAYA** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini termasuk kos pembinaan persimpangan bertingkat ('flyover') di Lintas dan Inanam. Bagaimana dengan rancangan Kerajaan untuk membina persimpangan bertingkat di kawasan berdekatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina 2 persimpangan bertingkat di Kota Kinabalu – iaitu di persimpangan Jalan Lintas/Jalan Kolam dan di persimpangan Jalan Lintas/Jalan Tuaran ialah merupakan sebahagian daripada skop projek membina Persimpangan Bertingkat dan Lorong Ketiga di Kota Kinabalu. Projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM252 juta itu telah dimulakan pada 9 Oktober 2014 dan dirancang akan siap pada bulan Julai 2017. Pada masa kini kemajuan fizikal di tapak ialah 55%

Di samping itu Kerajaan juga dalam RMKe-11 ini telah meluluskan skop tambahan, iaitu menaik taraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu dan membina 3 persimpangan bertingkat yang baharu di Kota Kinabalu, iaitu di persimpangan Jalan Penampang Bypass, persimpangan Jalan Lido dan persimpangan Lintas Plaza. Projek dengan anggaran kos RM300 juta ini baru sahaja melalui proses Makmal Pengurusan Nilai pada 22 April 2016 yang lalu. Pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada bulan November 2016 dengan tempoh pembinaan selama 30 bulan.

Sekian. Terima kasih.